

# UMS meterai MoU dengan KPTM Semporna

NST 21.12.13 2

KOTA KINABALU: Perjanjian Pendahuluan (LOI) yang termeterai antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) dengan Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) Semporna akan membuka jalan kolaborasi antara kedua-dua institusi pengajian itu.

Dekan SPE, Prof. Madya Dr. Arsiah Bahron berkata, kerjasama ini sudah lama dibincangkan dan pihaknya menyambut baik cadangan yang dikemukakan oleh KPTM untuk berkolaborasi dalam bidang akademik.

“Sebelum mendapat kelulusan pihak Senat UMS dan memulakan perjanjian persefahaman (MoU), maka eloklah LOI ini dimerterai terlebih dahulu agar segala proses perbincangan untuk ke peringkat yang seterusnya dapat dijalankan dengan lebih mudah,” kata Dr. Arsiah di Majlis Menandatangani LOI Antara UMS dan KPTM Semporna, di Bangunan Canselor, UMS, di sini, kelmarin.

Katanya, SPE berasa amat berbesar hati dengan kerjasama ini di mana SPE akan membantu dari segi kepakaran dan kandungan

pembelajaran kepada para pelajar KPTM Semporna yang menuntut di peringkat Diploma dan Sijil.

Dalam pada itu katanya, kolaborasi ini juga dianggap sebagai perintis jalan kepada KPTM Semporna untuk mengadakan lebih banyak kerjasama akademik dengan Sekolah-Sekolah lain di UMS.

Sementara itu, Pengerusi KPTM Malaysia, Mohd Aziz Jamman berkata, kerjasama bersama institusi pengajian tinggi seperti UMS ini merupakan salah satu inisiatif pihaknya untuk menaik taraf lebih banyak kampus cawangan KPTM menjadi sebuah Kolej Universiti.

“Kolaborasi bersama UMS ini akan menjadi pemangkin kepada KPTM Semporna yang juga merupakan kampus luar bandar pertama KPTM untuk mencapai status Kolej Universiti,” katanya.

Katanya, selepas KPTM Kuala Lumpur dinaik taraf menjadi Kolej Universiti pada September 2014, KPTM Bangi pula dijangka akan menjadi Kolej Universiti selewat-lewat-

nya pada awal tahun 2015.

Mohd Aziz berkata, walaupun KPTM menyasarkan untuk mencapai status Kolej Universiti untuk kesemua kampus cawangannya, namun pihaknya tidak menetapkan tempoh sasaran memandangkan selain aspek keleayakan akademik kakitangan dan infrastruktur kolej, aspek kewangan juga akan turut diambil kira.

KPTM Semporna yang baru berusia tiga tahun enam bulan itu kini mempunyai dua buah kampus sementara yang menempatkan 650 pelajar dan berharap kolej tetap KPTM Semporna yang bakal dibuka pada tahun hadapan mampu memuatkan lebih kurang 3000 orang pelajar.

Lokasi tapak tetap untuk pembinaan kolej itu sudah dikenalpasti dan proses pengambilahan tanah akan dijalankan sebelum proses pembinaan bangunan bermula seawal tahun hadapan, katanya.

Katanya, pihaknya juga berharap agar LOI bersama SPE ini akan mempercepatkan proses menaik taraf tahap akademik tenaga penga-

jarnya terutama bagi mendapatkan pengajian di Luar Negara.

Antara syarat untuk menjadi Kolej Universiti adalah tenaga pengajar perlu memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dan 15 peratus kakitangan KPTM harus memiliki Phd, katanya.

Selain itu, KPTM Malaysia kini memfokuskan untuk membina KPTM di Negeri-negeri yang belum mempunyai kampus cawangannya seperti Sarawak, Pulau Pinang, dan Negeri Sembilan.

Katanya, langkah itu seiring dengan hasrat Kerajaan melalui Kementerian Luar Bandar dan Wilayah untuk membawa Kampus itu ke kawasan luar bandar supaya pelajar tidak perlu merantau jauh ke bandar untuk mendapatkan pendidikan tinggi.

“Sekiranya mempunyai kewangan yang mencukupi dan mendapat persetujuan daripada Mara selaku pemilik syarikat, KPTM akan dibuka di Sarawak pada tahun hadapan,” katanya. - OLEH BALQIS JAMALUDIN (balqis@newsabahtimes.com.my)